

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

## **PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN PERTAMA**

Prospektus Induk Tambahan Pertama ini bertarikh 1 September 2023 dan hendaklah dibaca bersama dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019 bagi dana-dana didagang pada bursa berikut:

### **Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF**

**(dana didagang pada bursa yang diwujudkan dan ditubuhkan di Malaysia pada 4 September 2019)**

### **Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF**

**(dana didagang pada bursa yang diwujudkan dan ditubuhkan di Malaysia pada 4 September 2019)**

Pengurus:  
**Kenanga Investors Berhad**  
No. Pendaftaran: 199501024358 (353563-P)

Pemegang Amanah:  
**RHB Trustees Berhad**  
No. Pendaftaran: 200201005356 (573019-U)

Peniaga dan Pembuat Pasaran yang Mengambil  
Bahagian:  
**Kenanga Investment Bank Berhad**  
No. Pendaftaran: 197301002193 (15678-H)

Penasihat Teknikal:  
**Yuanta Securities Investment Trust Co., Ltd**  
No. Pendaftaran: 86384477

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") telah meluluskan penyenaraian dan sebut harga Unit-unit daripada Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF dan Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF (secara kolektif "Dana") pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus Induk Tambahan Pertama ini telah didaftarkan oleh SC.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Induk Tambahan Pertama ini, tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa SC mengesyorkan Dana atau akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pandangan yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini. SC tidak, dalam apa-apa cara, menimbangkan merit-merit sekuriti yang ditawarkan bagi pelaburan.

SC tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus Induk Tambahan Pertama ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata manafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam kebergantungan ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Induk Tambahan Pertama ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau unit-unit Dana.

**PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN PERTAMA INI. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.**

**UNTUK MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL-BAKAL PELABUR, LIHAT "FAKTOR-FAKTOR RISIKO" BERMULA PADA MUKA SURAT 15 PROSPEKTUS INDUK BERTARIKH 20 DISEMBER 2019.**

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

#### **PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para pengarah Kenanga Investors Berhad telah melihat dan meluluskan Prospektus Induk Tambahan Pertama ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang sekiranya ditinggalkan, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini palsu atau mengelirukan.

#### **PENYATA TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka mungkin boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Induk Tambahan Pertama ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana-dana.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

Melainkan diperuntukkan di sebaliknya dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini, kesemua terma dalam huruf besar yang digunakan dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini akan membawa maksud yang sama sebagaimana diberikan kepada mereka dalam Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019 (“Prospektus Induk”).

**NOTA PENJELASAN:**

Prospektus Induk Tambahan Pertama ini telah dikeluarkan untuk memaklumkan pelabur-pelabur berikut:

- Pengeluaran surat ikatan tambahan baru berhubung dengan Dana-dana.
- Maklumat dikemas kini berhubung dengan panduan korporat Pemegang Amanah, strategi pelaburan Dana-dana, sekatan dan had pelaburan Dana-dana, lembaga pengarah Pengurus dan dokumen untuk pemeriksaan.
- Polisi dikemas kini mengenai rebat dan komisen ringan.
- Terma-terma penting surat ikatan dikemas kini.
- Surat penasihat cukai dikemas kini.

**A. SINGKATAN / DEFINISI**

**Muka surat 2 Prospektus Induk**

Definisi “Surat Ikatan” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Surat Ikatan	(i)	Berhubung dengan Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF, surat ikatan bertarikh 4 September 2019 sebagaimana diubah suai oleh surat ikatan tambahan pertama bertarikh 13 Julai 2023 kedua-dua ditandatangani di antara Pemegang Amanah dan Pengurus; dan
	(ii)	Berhubung dengan Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF, surat ikatan bertarikh 4 September 2019 sebagaimana diubah suai oleh surat ikatan tambahan pertama bertarikh 13 Julai 2023 kedua-dua ditandatangani di antara Pemegang Amanah dan Pengurus,

sebagaimana dipinda, diubahsuai atau ditambah dari masa ke masa selaras dengan peruntukan surat ikatan yang terkandung di dalamnya dan akan termasuk apa-apa tambahan kepadaanya yang ditandatangani selaras dengan peruntukannya; Surat Ikatan bermaksud mana-mana satu daripada Surat Ikatan.

**Muka surat 3 Prospektus Induk**

Definisi "Harga Terbitan Awal", "Langganan Awal" dan "Tempoh Langganan Awal" adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**Muka surat 4 Prospektus Induk**

Definisi “Ejen Penempatan” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

**Muka surat 5 Prospektus Induk**

Definisi "Permohonan Langganan" adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**B. JADUAL WAKTU INDIKATIF**

**Muka surat 6 Prospektus Induk**

Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**C. PANDUAN KORPORAT**

**Muka surat 7 Prospektus Induk**

Maklumat berhubung dengan pejabat berdaftar Pemegang Amanah adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

*Pejabat Berdaftar:*

Aras 10 Tower One, RHB Centre  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03-9287 8888  
Faks: 03-9280 6507

**Muka surat 8 Prospektus Induk**

Maklumat berhubung dengan Ejen Penempatan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**D. DATA UTAMA**

**Muka surat 10 Prospektus Induk**

- (i) Maklumat berhubung dengan "Saiz Dana Awal Diluluskan" di bawah Seksyen 1.1 – Dana-dana adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Saiz Dana Diluluskan	1,000,000,000 Unit	1,000,000,000 Unit	3.11
----------------------	--------------------	--------------------	------

- (ii) Maklumat berhubung dengan "Harga Terbitan Awal" adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**Muka surat 12 Prospektus Induk**

Maklumat berhubung dengan "Penawaran Unit-unit – Sebelum Penyenaraian" di bawah Seksyen 1.1 – Dana-dana adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**Muka surat 14 Prospektus Induk**

Maklumat di bawah Seksyen 1.3 – Lain-lain Maklumat adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Nama Dana	Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF	Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF
Surat Ikatan yang mentadbir Dana-dana	<ul style="list-style-type: none"><li>Surat ikatan bertarikh 4 September 2019</li><li>Surat ikatan tambahan pertama bertarikh 13 Julai 2023</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Surat ikatan bertarikh 4 September 2019</li><li>Surat ikatan tambahan pertama bertarikh 13 Julai 2023</li></ul>

**E. MENGENAI DANA**

**Muka surat 24 Prospektus Induk**

Perenggan kelima di bawah Seksyen 3.1.4 – Strategi Pelaburan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Pendedahan global Dana kepada Indeks Niagaan Hadapan tidak akan melebihi 200% daripada NAVnya (i) pada masa pengimbangan semula harian Dana, dan (ii) antara pengimbangan semula harian, melainkan disebabkan pergerakan pasaran. Bagi pengiraan pendedahan Dana, pendekatan komitmen akan digunakan, di mana kedudukan derivatif ditukarkan kepada kedudukan yang setara dalam aset mendasari yang terbenam dalam derivatif tersebut, iaitu konstituen Indeks Mendasari. Pengurus juga akan mengambil kira pergerakan pasaran.

**Muka surat 31 Prospektus Induk**

Perenggan kelima di bawah Seksyen 3.2.4 – Strategi Pelaburan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Pendedahan global Dana kepada Indeks Niagaan Hadapan tidak akan melebihi -100% daripada NAVnya (i) pada masa pengimbangan semula harian Dana, dan (ii) antara pengimbangan semula harian, melainkan disebabkan pergerakan pasaran. Bagi pengiraan pendedahan Dana, pendekatan komitmen akan digunakan, di mana kedudukan derivatif ditukarkan kepada kedudukan yang setara dalam aset mendasari yang terbenam dalam derivatif tersebut, iaitu konstituen Indeks Mendasari. Pengurus juga akan mengambil kira pergerakan pasaran.

**Muka surat 41 – 42 Prospektus Induk**

Maklumat berhubung dengan “Sekatan dan Had Pelaburan” di bawah Seksyen 3.6 – Pelaburan yang Dibenarkan & Sekatan Pelaburan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

1. Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal tidak boleh melebihi 15% daripada NAV Dana.
2. Nilai penempatan Dana dalam deposit dengan mana-mana institusi kewangan tunggal tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana. Had ini tidak terpakai kepada penempatan deposit timbul daripada:
  - (i) Wang langganan diterima sebelum permulaan pelaburan oleh Dana;
  - (ii) Pembubaran pelaburan sebelum penamatkan Dana, di mana penempatan deposit dengan pelbagai institusi kewangan bukan untuk kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit; atau
  - (iii) Wang yang dipegang bagi penyelesaian penebusan atau lain-lain obligasi bayaran, di mana penempatan deposit dengan pelbagai institusi kewangan bukan untuk kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit.
3. Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang yang diterbitkan oleh mana-mana kumpulan syarikat tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.
4. Nilai pelaburan Dana dalam unit-unit atau saham-saham mana-mana skim pelaburan kolektif tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.
5. Pendedahan global Dana daripada kedudukan derivatif dikira berdasarkan pendekatan komitmen:

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

- (a) berhubung dengan Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF, mestilah tidak melebihi 200% daripada NAV Dana; dan
- (b) berhubung dengan Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF, mestilah tidak melebihi -100% daripada NAV Dana.

pada masa pengimbangan semula harian Dana; dan antara setiap pengimbangan semula harian. Pendahuluan peruntukan melebihi had atas sebanyak 20% bagi Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF dan -10% bagi Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF disebabkan pergerakan pasaran adalah dibenarkan. Dalam keadaan sedemikian, Pengurus mesti mengambil semua tindakan yang diperlukan untuk membetulkan kedudukan derivatif secepat mungkin yang dapat dilaksanakan.

*Nota: Pengiraan pendedahan global adalah berdasarkan penukaran tepat derivatif ke dalam nilai pasaran kedudukan yang setara dalam indeks mendasari niagaan hadapan. Formula adalah seperti berikut:*

*Bilangan kontrak x saiz kontrak nosional x harga pasaran indeks mendasari.*

*Pengurus yang mensasarkan jumlah kontrak niagaan hadapan jangka panjang atau jangka pendek dengan pendedahan global yang bersamaan dengan 200%/-100% (mengikut keadaan) NAV Dana dalam masa pengimbangan semula (harian).*

Sekatan dan had yang dinyatakan di atas akan dipatuhi pada sepanjang masa berdasarkan nilai terkini Dana, dan nilai pelaburan dan instrumennya.

Pengurus akan mengambil semua langkah dan tindakan yang perlu untuk membetulkan apa-apa pelanggaran terhadap sekatan atau had yang dinyatakan di atas dalam tempoh yang munasabah sebagaimana dinyatakan di bawah undang-undang berkenaan.

#### **Muka surat 43 Prospektus Induk**

Perenggan kedua dan ketiga di bawah Seksyen 3.11 – Penyenaraian Dana adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

#### **F. YURAN & CAJ**

#### **Muka surat 46 Prospektus Induk**

(i) Titik bulet ke-enam belas di bawah Seksyen 4.4 – Perbelanjaan Dibenarkan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

➤ yuran bagi penilaian Aset Dana;

(ii) Maklumat di bawah Seksyen 4.5 – Polisi mengenai Rebat dan Komisen Ringan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Pengurus atau mana-mana perwakilannya tidak akan menyimpan apa-apa rebat daripada, atau sebaliknya berkongsi dalam apa-apa komisen dengan, mana-mana broker atau peniaga sebagai balasan bagi urusan langsung (sekiranya ada) dalam pelaburan Dana. Selaras dengan itu, apa-apa rebat atau komisen dikongsi hendaklah disalurkan kepada akaun Dana.

Komisen ringan boleh disimpan oleh Pengurus dengan syarat bahawa:

➤ komisen ringan membawa manfaat atau kelebihan secara langsung kepada pengurusan Dana dan mungkin termasuk perkhidmatan berkaitan penyelidikan dan nasihat;

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

- apa-apa urusan dengan broker atau peniaga dilaksanakan mengikut terma yang paling menguntungkan bagi Dana; dan
- ketersediaan komisen ringan bukanlah satu-satunya atau tujuan utama untuk melaksanakan atau mengatur urus niaga dengan broker atau peniaga sedemikian, dan Pengurus tidak boleh memasuki dagangan yang tidak perlu untuk mencapai jumlah urus niaga yang mencukupi untuk layak menerima komisen ringan.

**G. MAKLUMAT URUS NIAGA**

**Muka surat 47 Prospektus Induk**

Maklumat di bawah Seksyen 5.1.1 – Sebelum Penyenaraian adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**Muka surat 48 Prospektus Induk**

Maklumat di bawah Seksyen 5.2 – Prosedur bagi Permohonan dan Penerimaan Langganan Awal adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**H. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN**

**Muka surat 58 Prospektus Induk**

Titik bulet ke-enam belas di bawah Seksyen 6.4 – Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

- yuran bagi penilaian Aset Dana;

**Muka surat 60 – 61 Prospektus Induk**

(i) Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan selepas Seksyen 6.9.3:

6.9.4 Tertakluk kepada peruntukan undang-undang berkenaan, Pengurus boleh, tanpa perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pemegang-pemegang Unit, menamatkan amanah yang dengan ini diwujudkan dan menggulung Dana dalam hal penamatkan tersebut:

- (a) diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan; atau
- (b) adalah demi kepentingan terbaik Pemegang Unit dan Pengurus selepas berunding dengan Pemegang Amanah menganggap adalah tidak ekonomik bagi Pengurus untuk terus menguruskan Dana.

Tanpa mengambil kira yang dinyatakan di atas, sekiranya Dana ditinggalkan tanpa Pemegang Unit, Pengurus juga berhak untuk menamatkan Dana.

(ii) Maklumat di bawah Seksyen 6.10.4 adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

6.10.4 Notis hendaklah dalam bentuk pekeliling dan hendaklah menyatakan tempat, masa mesyuarat, sifat am urusan untuk diuruskan dan terma-terma mana-mana resolusi yang akan dicadangkan di situ. Salinan notis hendaklah dihantar kepada Pemegang Amanah melainkan mesyuarat diadakan oleh Pemegang Amanah dan salinan mengenainya hendaklah juga dihantar kepada SC. Peninggalan yang tidak disengajakan untuk memberi notis kepada atau ketidakterimaan notis oleh mana-mana Pemegang Unit tidak akan mentaksahkan prosiding pada mana-mana mesyuarat. Pengurus atau Pemegang Amanah hendaklah menyiaran iklan yang memberikan notis berkenaan mengenai mesyuarat Pemegang-pemegang Unit sekurang-

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

kurangnya dalam salah satu surat khabar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan dalam negara. Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit hendaklah diadakan tidak kurang daripada dua (2) bulan selepas notis diberi di tempat dan masa yang dinyatakan dalam notis dan iklan.

- (iii) Maklumat di bawah Seksyen 6.10.5 adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

6.10.5 Kuorum yang diperlukan bagi mesyuarat Pemegang-pemegang Unit Dana hendaklah lima (5) Pemegang Unit, sama ada hadir secara sendiri atau melalui proksi; walau bagaimanapun, sekiranya Dana mempunyai lima (5) atau kurang Pemegang Unit, kuorum yang diperlukan bagi mesyuarat Pemegang-pemegang Unit Dana hendaklah dua (2) Pemegang Unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi. Sekiranya mesyuarat dipanggil bagi tujuan pengundian ke atas Resolusi Khas, Pemegang Unit hadir sendiri atau melalui proksi hendaklah memegang dalam agregat sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) daripada Unit-unit dalam edaran Dana pada masa mesyuarat. Sekiranya Dana hanya mempunyai satu (1) lagi Pemegang Unit, Pemegang Unit tersebut, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, akan membentuk kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit Dana. Tiada urusan boleh diuruskan pada mana-mana mesyuarat melainkan kuorum yang diperlukan hadir pada permulaan urusan.

## I. MENGENAI PENGURUS

### **Muka surat 62 – 64 Prospektus Induk**

Maklumat di bawah Seksyen 7.2 – Lembaga Pengarah adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

Lembaga pengarah adalah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Lembaga bukan sahaja memastikan tadbir urus korporat diamalkan tetapi polisi dan garis panduan dipatuhi. Lembaga akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setiap tahun, atau lebih sekiranya keperluan timbul.

#### Ahli-ahli Lembaga Pengarah

#### **Choy Khai Choon, Steven, Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas**

Choy Khai Choon ("Encik Choy") berusia 66 tahun dan dilantik sebagai Pengerusi dan pengarah bukan eksekutif bukan bebas Kenanga Investors Berhad ("KIB") pada 1 April 2023. Encik Choy pada masa ini merupakan pengarah bukan eksekutif bukan bebas Kenanga Investment Bank Berhad, syarikat pemegangan KIB dan ahli Urus Tadbir Kumpulan, Pelantikan & Pampasan, Jawatankuasa Risiko Lembaga Kumpulan dan Jawatankuasa Inovasi Digital & Teknologi Lembaga Kumpulan. Beliau adalah wakil Lembaga Cahya Mata Sarawak Berhad, pemegang saham utama Kenanga Investment Bank Berhad.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Oklahoma City University, USA dan Sarjana Muda Perdagangan daripada University of New South Wales, Australia. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Am di INSEAD, Perancis dan merupakan ahli Felo Certified Practising Accountants, Australia dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Encik Choy pada masa ini merupakan pengerusi bukan bebas bukan eksekutif Zurich Life Insurance Malaysia Berhad dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad di mana beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit, Lembaga Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kemampanan, dan Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan kedua-dua syarikat. Encik Choy juga pada masa ini berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Hap Seng Plantations Holdings Berhad dan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit Hap Seng Plantations Holdings Berhad, serta pengarah bukan eksekutif

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

bebas MSM Malaysia Holdings Berhad dan Pengerusi Jawatankuasa Audit, Urus Tadbir dan Risiko MSM Malaysia Holdings Berhad dan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Tendernya.

Selain itu, beliau juga merupakan ahli Lembaga Asian Banking School Sdn Bhd dan Bond and Sukuk Information Platform Sdn Bhd, platform maklumat bukan meraih keuntungan yang diperbadankan untuk menyediakan akses awam percuma bagi maklumat mengenai bon dan sukuk yang diterbitkan di Malaysia, serta Ahli Pihak Berkuasa dan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Audit Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai pengarah kanan bukan eksekutif bebas Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad sehingga beliau bersara pada 21 April 2022. Di Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad, beliau telah menyandang jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Audit dan Ahli Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan. Beliau juga dahulunya Pengarah Kepentingan Awam Pengurus Pelaburan Malaysia di mana beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Persekutuan Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan Pengurus Pelaburan Persekutuan Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Skim Persaraan Swasta sehingga tamat penggalnya pada 12 Jun 2022.

Encik Choy mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor kewangan dan telah berkhidmat sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad selama enam tahun sebelum bersara pada Mac 2012. Sebelum itu, beliau adalah Pengurus Besar Kanan, Ketua Kejuruteraan Perniagaan Kumpulan Kumpulan Perbankan RHB dan memegang pelbagai jawatan kanan dalam Morley Fund Management Ltd, Singapura, Aviva Insurance Group, Commercial Union Assurance Berhad dan Credit Corporation Malaysia Berhad.

**Imran Devindran Abdullah, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas**

Imran Devindran bin Abdullah berusia 57 tahun dan telah dilantik ke lembaga pengarah KIB sebagai pengarah bukan eksekutif bebas pada 1 Jun 2015. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko dan ahli Jawatankuasa Pelaburannya. Beliau juga pada masa ini merupakan pengarah bukan eksekutif bebas i-VCAP Management Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh KIB.

Beliau pada masa ini merupakan sekutu kanan BH Lawrence & Co, peguam bela dan peguam cara di Damansara, Petaling Jaya. Beliau telah mengumpul lebih tiga puluh (30) tahun pengalaman dalam litigasi sivil, dengan portfolio yang merangkumi kepakaran dalam insurans, litigasi sivil dan perbankan dari tempoh perkhidmatannya sebagai pembantu undang-undang dengan beberapa firma yang amat terkenal di Kuala Lumpur.

Imran Devindran memegang Ijazah Sarjana Muda Kepujian Undang-undang (1988) daripada Universiti Buckingham, England dan Sijil Amalan Undang-undang daripada Universiti Malaya. Beliau mendapat pendidikan formatif di Malaysia, sebelum melanjutkan pelajaran menengah di Singapura dan memperoleh A-Levels di Raffles Junior College, Singapura. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai peguam bela dan peguam cara pada Ogos 1990 selepas berjaya menamatkan latihan kamar dengan Tetuan Rashid & Lee di Kuala Lumpur.

Imran Devindran telah mewakili syarikat-syarikat besar seperti Pan Global Insurance Berhad, Royal Insurance (M) Berhad, Malayan British Assurance, United Oriental Assurance Berhad (kini dikenali sebagai Tune Insurance Berhad), Nusantara Worldwide Insurance (M) Sdn. Bhd, Progressive Insurance Sdn Bhd dan People's Insurance Sdn Bhd dalam rundingan penyelesaian, perundingan tuntutan dan membangunkan strategi untuk litigasi. Imran Devindran juga aktif dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Johor Utara, dari 2003 hingga 2008. Dengan keupayaan itu, beliau membawa kemahiran komunikasi yang luar biasa dan pendekatan analitikal yang berwaspada untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengantara dan menyelesaikan aduan yang diterima oleh Badan Peguam Johor, mengawasi kebijakan peguam dan memupuk hubungan yang lebih erat antara peguam dan badan kehakiman Johor Utara dengan menganjurkan aktiviti interaksi sosial.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

**Norazian Ahmad Tajuddin, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas**

Norazian Ahmad Tajuddin (“Norazian”) berusia 62 tahun dan telah dilantik menganggotai lembaga pengarah KIB sebagai pengarah bukan eksekutif bebas pada 1 Mac 2019. Beliau dilantik sebagai Pengerusi lembaga pengarah KIB sehingga 31 Mac 2023. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko dan Jawatankuasa Pelaburan KIB.

Norazian pada masa ini merupakan pengarah bukan eksekutif bebas Kenanga Investment Bank Berhad, syarikat induk KIB dan pada masa ini merupakan Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Risiko Kumpulannya, dan, ahli Jawatankuasa Urus Tadbir, Pelantikan & Pampasan Kumpulannya, Jawatankuasa Audit serta sebagai Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan. Selain daripada itu, beliau juga merupakan pengarah bukan eksekutif bebas Kenanga Islamic Investors Berhad dan i-VCAP Management Sdn Bhd, kedua-duanya anak syarikat milik penuh KIB.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Matematik daripada University of Leeds, United Kingdom dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada University of Edith Cowan, Australia. Norazian mempunyai lebih daripada dua puluh lima (25) tahun pengalaman dalam perbankan, lima belas (15) tahun terakhir berada dalam pengurusan kanan, meliputi bidang seperti operasi Perbendaharaan, perniagaan dan operasi perbankan, pengurusan risiko dan perkhidmatan sokongan. Beliau mempunyai pengalaman yang kukuh dan pelbagai dalam berurusan dengan pertukaran asing, perbankan antarabangsa, pelaburan, jualan, perhubungan pelanggan dan korporat, teknologi maklumat, serta pengurusan aset dan liabiliti.

Beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Perbendaharaan di Bank Bumiputra (M) Berhad sebagai Peniaga Kanan sebelum berpindah untuk memegang pelbagai jawatan kanan di Kumpulan EON Bank, KAF Discount Berhad dan Daimler Chrysler (M) Sdn Bhd. Selepas itu, beliau menyertai Bank Simpanan Nasional Berhad pada 2005 sebagai Pengarah di Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif semasa penyusunan semula Bank Simpanan Nasional Berhad dan terus berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya sehingga beliau bersara pada 2010. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di Bank Simpanan Nasional Berhad, beliau memainkan peranan penting dalam transformasi Bank Simpanan Nasional Berhad menjadi sebuah bank pembangunan yang mampan dan menguntungkan. Dari Jun 2008 hingga Mac 2010, beliau berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas Prudential BSN Takaful Berhad dan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan.

Pada 1 Ogos 2018, Norazian telah dilantik sebagai Pengerusi Pacific & Orient Insurance Co. Berhad, yang merupakan anak syarikat Pacific & Orient Berhad, sebuah syarikat yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities. Beliau berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Pacific & Orient Insurance Co. Berhad sejak pelantikannya pada 1 April 2015 sehingga 29 April 2022. Di Pacific & Orient Insurance Co. Berhad, beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Pelantikan, Jawatankuasa Imbuhan, serta Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

**Luk Wai Hong, William, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas**

Luk Wai Hong, William (“Luk”) berusia 59 tahun dan dilantik sebagai ahli lembaga pengarah KIB sebagai pengarah bukan eksekutif bebas pada 12 April 2021 dan kemudiannya dilantik semula sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas pada 1 November 2022. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan KIB dan ahli Jawatankuasa Audit & Risikonya. Beliau pada masa ini merupakan pengarah bukan eksekutif bukan bebas Kenanga Investment Bank Berhad, syarikat pemegangan KIB dan ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Kumpulannya dan Lembaga Jawatankuasa Inovasi & Teknologi Digital Kumpulan. Luk juga merupakan Pengerusi dan pengarah bukan eksekutif bukan bebas I-VCAP Management Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh KIB.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti of Concordia, Montreal, Kanada, Ijazah Sarjana Perancangan Bandar daripada University of Michigan, USA dan ahli Felo Eksekutif yang dianugerahkan oleh State of Washington, USA.

Luk pada masa ini merupakan Pengarah Pelaburan Cotton Tree Capital Ltd, di mana beliau adalah pemilik bersama, dengan pejabat di Hong Kong dan Singapura. Beliau mempunyai lebih daripada dua puluh (20) tahun pengalaman dalam pelbagai keupayaan dalam industri perkhidmatan kewangan, di mana sebelas (11) tahun telah dihabiskan di Deutsche Bank AG, Hong Kong dan Singapura.

Beliau memulakan kerjayanya pada 1989 sebagai ahli Felo Eksekutif dan Pakar Kewangan Pengangkutan di Pejabat Pengurusan Kewangan di State of Washington. Beliau kemudiannya menyertai Lehman Brothers, Hong Kong sebagai Peniaga Pendapatan Tetap dan Kredit pada 1993. Selepas tiga (3) tahun, beliau menyertai HSBC Markets, Hong Kong selama setahun, sebelum menyertai Deutsche Bank AG pada 1997 sebagai Pengarah Bersekutu Kanan dan Peniaga Kanan Kredit dan Derivatif. Beliau kemudiannya menjadi Pengarah Deutsche Bank AG dan Ketua Perdagangan Kredit Berstruktur dan Kewangan Utama Asia, jawatan yang dipegangnya sehingga 2004.

Pada 2004 dan 2008, Luk dilantik masing-masing sebagai Pengarah Urusan Deutsche Bank AG dan Ketua Bersama Global Credit Trading and Principal Finance Asia, serta Pengarah Urusan dan Ketua Bersama Saba Proprietary Trading Group Asia. Pada 2008, beliau menyertai Pacific Advantage Capital, Hong Kong dan Singapura, sebagai Pengurus Prinsipal dan Portfolionya yang memberi tumpuan kepada kredit dan keadaan istimewa, sebelum memegang jawatan Pengarah Pelaburan Cotton Tree Capital Ltd pada 2011.

**Datuk Wira Ismitz Matthew De Alwis, Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif**

Datuk Wira Ismitz Matthew De Alwis berusia 49 tahun dan pada masa ini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif KIB dan ahli Jawatankuasa Pelaburannya. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas dalam lembaga pengarah Kenanga Islamic Investors Berhad, i-VCAP Management Sdn Bhd, serta semua anak syarikat KIB.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KIB, beliau bertanggungjawab ke atas keseluruhan perniagaan pengurusan aset dankekayaan KIB dan anak-anak syarikatnya. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Juruanalisis Pelaburan dengan firma penyelidikan dan penasihat serantau, di mana beliau mendapat pendedahan serantau yang luas di Hong Kong, Filipina, Dubai dan Singapura. Beliau membawa bersama pengalaman lebih daripada tiga puluh (30) tahun, kepakaran dan beberapa peranan kepimpinan dalam bidang pengurusan kewangan dan pelaburan kedua-dua di peringkat serantau dan tempatan. Beliau menyertai KIB pada Jun 2013 selepas KIB mengambil alih perniagaan pengurusan pelaburan ING di Malaysia, ING Funds Berhad, di mana beliau merupakan Pengarah Eksekutif dan Ketua Negara.

Beliau merupakan alumni Universiti of Cambridge, Judge Business School – ABSEP dan juga telah menghadiri Program Pengurusan Perniagaan Lanjutan oleh International Institute for Management Development, Lausanne, Switzerland. Beliau memegang MBA dan kelayakan profesional daripada Chartered Institute of Marketing UK. Beliau juga merupakan Perancang Kewangan Bertauliah dan Perancang Kewangan Islam. Beliau mempunyai Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal daripada SC bagi pengurusan dana, nasihat pelaburan dan perancangan kewangan.

Datuk Wira De Alwis adalah Pengurus Persatuan Pengurus Aset Malaysia, dan pada masa ini menganggotai lembaga Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Kajian Penilaian SC – Pengurusan Dana dan ahli Jawatankuasa Penasihat Indeks FTSE Bursa Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Bersama (BNM & SC) mengenai Perubahan Iklim (JC3) dan ahli Jawatankuasa Pemandu Program Siswazah Pasaran Modal (SC). Beliau menganggotai Panel Penasihat Rangka Kerja Kecekapan Industri untuk

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

projek Pasaran Modal Malaysia yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti.

Selain itu, beliau adalah ahli Jawatankuasa Pemandu Pelaburan Mampan – Inisiatif Pelaburan Mampan Malaysia dan Ahli Majlis daripada Majlis Pelabur Institusi Malaysia. Datuk Wira De Alwis juga merupakan Penasihat Pelaburan untuk Jawatankuasa Pengurusan Amanah Majlis Olimpik Malaysia.

***Nota: Mungkin terdapat perubahan kepada komposisi dan/atau profil Lembaga pengarah dari masa ke masa, sila rujuk kepada laman web Pengurus untuk maklumat terkini.***

**Muka surat 65 Prospektus Induk**

Maklumat mengenai Lee Man Kok, Ketua, Ketua Pegawai Operasi di bawah Seksyen 7.3 – Personel Penting & Pengurus Dana Yang Dilantik adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**Muka surat 66 Prospektus Induk**

Maklumat mengenai Nixon Wong Gok Hey, Pengurus Portfolio di bawah Seksyen 7.3 – Personel Penting & Pengurus Dana Yang Dilantik adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.

**J. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN**

**Muka surat 70 – 71 Prospektus Induk**

- (i) Maklumat di bawah Seksyen 9.4 – Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.
- (ii) Maklumat di bawah Seksyen 9.5 – Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan.
- (iii) Maklumat di bawah Seksyen 9.6(i) adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:
  - (i) Pengurus adalah dimiliki sepenuhnya oleh Kenanga Investment Bank Berhad (“KIBB”) dan KIBB telah dilantik sebagai Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran bagi Dana oleh Pengurus.

KIBB telah mempertimbangkan faktor-faktor yang terlibat dan percaya objektif dan kebebasannya sebagai Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran bagi Dana adalah dikekalkan pada sepanjang masa dan telah mengesahkan bahawa tidak ada percanggahan kepentingan yang wujud atau mungkin wujud dalam peranannya sebagai Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran tanpa mengambil kira peranan dan perkhidmatan yang dinyatakan di atas yang dilakukan memandangkan ini adalah dikurangkan oleh yang berikut:-

- (a) KIBB dan syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutunya (“Kumpulan Kenanga”) adalah kumpulan kewangan di Malaysia yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pembrokeran ekuiti, perbankan pelaburan, derivatif tersenarai, perbendaharaan, nasihat korporat, perbankan Islam, pengurusan kekayaan dan pengurusan pelaburan. Kumpulan Kenanga telah terlibat dan mungkin pada masa hadapan, terlibat dalam urus niaga dengan dan melaksanakan perkhidmatan untuk Pengurus dan/atau Dana dan/atau ahli gabungan Pengurus, selain daripada peranan yang ditetapkan dalam Prospektus Induk ini. Selain itu, dalam perjalanan biasa perniagaan, mana-mana ahli Kumpulan

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

Kenanga boleh pada bila-bila masa menawar atau menyediakan perkhidmatannya kepada atau melibatkan diri dalam sebarang urus niaga dengan Pengurus dan/atau Dana, dan/atau ahli gabungan Pengurus dan/atau mana-mana entiti atau orang lain, memegang kedudukan jangka panjang atau pendek dalam sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurus dan/atau ahli gabungan Pengurus, dan boleh berdagang atau sebaliknya melakukan urus niaga untuk akaunnya sendiri atau akaun lain-lain pelanggan Pengurus. Ini adalah akibat daripada perniagaan Kumpulan Kenanga yang biasanya bertindak secara bebas antara satu sama lain, dan selaras dengan itu, mungkin terdapat keadaan di mana sebahagian daripada Kumpulan Kenanga dan/atau pelanggan-pelanggannya kini mempunyai atau pada masa hadapan, mungkin mempunyai kepentingan atau mengambil tindakan yang mungkin bercanggah dengan kepentingan Kumpulan Kenanga. Walau bagaimanapun, Kumpulan Kenanga perlu mematuhi undang-undang dan peraturan terpakai yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan yang mentadbir perniagaan nasihatnya, yang memerlukan, antara lain, pemisahan antara kegiatan urus niaga dan nasihat dan *Chinese wall* antara divisyen perniagaan yang berbeza; dan

- (b) adalah dalam perjalanan biasa perniagaan KIBB untuk menyediakan khidmat nasihat dan lain-lain perkhidmatan dalam peranannya sebagai Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pembuat Pasaran kepada klien-kliennya.

*[Bahagian lain muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.]*

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

**K. PERCUKAIAN**

**Muka surat 72 – 81 Prospektus Induk**

Surat penasihat cukai adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

*Ini adalah terjemahan surat penasihat cukai berhubung dengan cukai dana didagang pada bursa dan pemegang-pemegang unit asal*

Surat penasihat cukai berhubung dengan cukai  
dana didagang pada bursa dan pemegang-pemegang unit  
(disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini)

Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd  
Aras 23A Menara Milenium  
Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara  
50490 Kuala Lumpur

7 Ogos 2023

Lembaga Pengarah  
Kenanga Investors Berhad  
Aras 14, Kenanga Tower  
237, Jalan Tun Razak  
50490 Kuala Lumpur

Tuan

**Cukai dana didagang pada bursa dan pemegang-pemegang unit**

Surat ini telah disediakan untuk dimasukkan dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini sehubungan dengan tawaran unit-unit dalam dana didagang pada bursa yang dikenali sebagai Kenanga KLCI Daily 2x Leveraged ETF dan Kenanga KLCI Daily (-1x) Inverse ETF (selepas ini dirujuk sebagai "Dana").

Tujuan surat ini adalah untuk menyediakan bakal-bakal pemegang unit dengan gambaran keseluruhan mengenai kesan cukai ke atas Dana dan pemegang-pemegang unit.

**Cukai Dana**

Cukai Dana adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 (MITA), khususnya Seksyen 61 dan 63B.

Tertakluk kepada pengecualian tertentu, pendapatan Dana terdiri daripada keuntungan dan lain-lain pendapatan pelaburan yang diperoleh daripada atau terakru di Malaysia selepas menolak perbelanjaan dibenarkan cukai, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24% berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016.

Perbelanjaan dibenarkan cukai akan terdiri daripada perbelanjaan yang jatuh di bawah Seksyen 33(1) dan Seksyen 63B MITA. Seksyen 33(1) membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang semata-mata dan secara eksklusif ditanggung dalam pengeluaran pendapatan kasar. Selain itu, Seksyen 63B membenarkan unit amanah memotong sebahagian daripada lain-lain perbelanjaan (dirujuk sebagai 'perbelanjaan yang dibenarkan') yang tidak berkaitan secara langsung dengan pengeluaran pendapatan, sebagaimana dijelaskan di bawah.

## **Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

“Perbelanjaan yang dibenarkan” merujuk kepada perbelanjaan berikut yang ditanggung oleh Dana yang tidak boleh ditolak di bawah Seksyen 33(1) MITA:

- imbuhan pengurus,
- penyelenggaraan daftar pemegang-pemegang unit,
- perbelanjaan pendaftaran saham,
- yuran kesetiausahaan, audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan pos.

Perbelanjaan ini diberi penolakan sebahagian di bawah Seksyen 63B MITA, berdasarkan formula berikut:

$$A \times \frac{B}{4C}$$

- di mana A adalah jumlah perbelanjaan yang dibenarkan ditanggung bagi tempoh asas tersebut;
- B adalah pendapatan kasar terdiri daripada dividen<sup>2</sup>, faedah dan sewa yang boleh dikenakan cukai untuk tempoh asas tersebut; dan
- C adalah agregat pendapatan kasar terdiri daripada dividen<sup>1</sup> dan faedah (sama ada dividen atau faedah tersebut adalah dikecualikan atau tidak) dan sewa, dan keuntungan yang diperoleh daripada realisasi pelaburan (sama ada boleh dikenakan cukai atau tidak) untuk tempoh asas tersebut,

dengan syarat bahawa jumlah potongan yang perlu dibuat tidak boleh kurang 10% daripada jumlah perbelanjaan yang dibenarkan ditanggung untuk tempoh asas tersebut.

### **Pendapatan dikecualikan**

Pendapatan Dana berikut adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan:

- **Dividen diperoleh dari Malaysia**

Semua dividen diperoleh dari Malaysia harus dikecualikan daripada cukai pendapatan.

- **Faedah diperoleh dari Malaysia**

- (i) faedah daripada sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
- (ii) faedah daripada debentur atau sukuk, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah simpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti;
- (iii) faedah daripada Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia;
- (iv) faedah yang diperoleh dari Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013<sup>3</sup>;

2 Menurut Seksyen 15 Akta Kewangan 2011, berkuat kuasa dari tahun taksiran 2011, pendapatan dividen dianggap termasuk pendapatan yang diagihkan oleh amanah saham yang termasuk pengagihan daripada Amanah Pelaburan Harta Tanah.

3 Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, pengecualian cukai pendapatan bagi dana amanah saham, menurut Perenggan 35A, Jadual 6 MITA tidak akan terpakai kepada dana jualan borong yang merupakan dana pasaran wang.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

- (v) faedah diperoleh dari Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002<sup>3</sup> ;
- (vi) faedah daripada sukuk yang berasal dari Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang selain daripada Ringgit dan diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah simpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti atau diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA)<sup>4</sup>; dan
- (vii) faedah yang dikecualikan secara khusus melalui perintah berkanun atau apa-apa pengecualian khusus lain yang disediakan oleh Menteri.

• **Diskaun**

Pengecualian cukai diberikan ke atas diskau yang dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana amanah saham berhubung dengan pelaburan sebagaimana dinyatakan dalam perkara (i), (ii) dan (iii) di atas.

**Pendapatan diperoleh daripada pelaburan asing**

Menurut Akta Kewangan 2021, pendapatan yang diperoleh oleh seseorang residen daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia mulai 1 Januari 2022 tidak lagi dikecualikan daripada cukai.

Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 29 September 2022 (dipinda pada 29 Disember 2022) mentakrifkan istilah "diterima di Malaysia" untuk bermaksud dipindahkan atau dibawa masuk ke Malaysia, sama ada secara tunai<sup>5</sup> atau pindahan dana elektronik<sup>6</sup>.

Pendapatan diperoleh daripada pelaburan asing (FSI) yang diterima di Malaysia dalam tempoh peralihan dari 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 akan dikenakan cukai sebanyak 3% daripada pendapatan kasar. Mulai 1 Julai 2022 dan seterusnya, FSI yang diterima di Malaysia akan dikenakan cukai pada kadar cukai semasa pembayar cukai dan berdasarkan peraturan cukai yang terpakai. Kredit cukai dua hala atau satu hala boleh dibenarkan sekiranya pendapatan yang sama telah dikenakan cukai asing, dan di mana syarat-syarat yang berkaitan adalah dipenuhi.

Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 telah dikeluarkan untuk mengecualikan "orang yang layak"<sup>7</sup> daripada bayaran cukai pendapatan berhubung dengan pendapatan dividen yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia, berkuat kuasa dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026. Pengecualian walau bagaimanapun tidak terpakai kepada seseorang yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan laut atau udara. Memandangkan definisi "orang yang layak" tidak termasuk dana amanah saham, ini akan bermakna bahawa dana amanah saham residen secara teknikalnya tidak layak bagi pengecualian tersebut, melainkan terdapat kemas kini selanjutnya mengenainya.

<sup>4</sup> Berkuat kuasa dari tahun taksiran 2017, pengecualian tidak akan terpakai kepada faedah dibayar atau dikredit kepada syarikat dalam kumpulan yang sama atau faedah dibayar atau dikreditan kepada bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; atau institusi kewangan pembangunan yang diterangkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

<sup>5</sup> "Tunai" dalam konteks ini adalah ditakrifkan sebagai wang kertas, syiling dan cek.

<sup>6</sup> "Pindahan dana elektronik" bermaksud pindahan bank (contohnya, pindahan kredit atau debit), bayaran kad (kad debit, kad kredit dan kad caj), wang elektronik, aset digital dikeluarkan secara persendirian (contohnya, aset-kripto, stablecoins) dan mata wang digital bank pusat.

<sup>7</sup> "Orang berkelayakan" dalam konteks ini bermaksud seseorang yang merupakan residen di Malaysia:

(a) Individu yang mempunyai pendapatan dividen yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia;

(b) Perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; atau

(c) Syarikat yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016.

### **Keuntungan daripada realisasi pelaburan**

Menurut Seksyen 61(1) (b) MITA, keuntungan daripada realisasi pelaburan tidak akan dianggap sebagai pendapatan Dana dan dengan itu, adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan. Keuntungan tersebut mungkin tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah (RPGT) di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta RPGT), sekiranya keuntungan adalah diperoleh daripada pelupusan aset boleh dikenakan cukai, sebagaimana ditakrifkan dalam Akta RPGT.

### **Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (“SST”)**

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (“SST”) telah diperkenalkan semula berkuat kuasa 1 September 2018. Cukai Jualan sebanyak 10% (kadar paling biasa) atau 5% dikenakan oleh pengilang-pengilang Malaysia akan barang boleh dikenakan cukai atau semasa mengimport barang boleh dikenakan cukai tersebut ke Malaysia, melainkan dikecualikan secara khusus di bawah Perintah Cukai Jualan (Barang yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018. Cukai Perkhidmatan pada kadar 6% dikenakan ke atas perkhidmatan boleh dikenakan cukai tertentu yang ditetapkan yang dilaksanakan oleh orang-orang yang boleh dikenakan cukai sebagaimana ditetapkan di bawah Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Mekanisme pemulihan cukai input di bawah rejim GST sebelumnya tidak terpakai kepada SST. Oleh itu, sebarang SST yang ditanggung tidak boleh dipulihkan dan akan membentuk elemen kos bagi perniagaan.

Berdasarkan Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, dana unit amanah tidak dianggap sebagai orang kena cukai mahupun menyediakan perkhidmatan boleh dikenakan cukai dan oleh itu tidak bertanggungjawab bagi pendaftaran SST. Di mana Dana menanggung perbelanjaan seperti yuran pengurusan, perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh pengurus aset dan dana yang berlesen atau berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan kegiatan berperaturan daripada pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, secara khusus dikecualikan daripada skop Cukai Perkhidmatan. Bagi lain-lain yuran, seperti yuran pemegang amanah dan lain-lain caj pentadbiran, ini mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan sebanyak 6% dengan syarat ia termasuk dalam skop cukai perkhidmatan (iaitu disediakan oleh “orang yang boleh dikenakan cukai”, yang melebihi ambang tahunan yang diperlukan (dalam kebanyakan kes RM500,000 setahun) dan perkhidmatan tersebut layak sebagai “perkhidmatan boleh dikenakan cukai”).

### **Cukai pemegang-pemegang unit**

Bagi tujuan cukai pendapatan Malaysia, pemegang-pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas bahagian mereka daripada pengagihan yang diterima daripada Dana.

Pendapatan pemegang-pemegang unit daripada pelaburan mereka dalam Dana secara meluas di bawah kategori berikut:

1. pengagihan boleh dikenakan cukai; dan
2. pengagihan dikecualikan dan tidak dikenakan cukai.

Selain itu, pemegang-pemegang unit juga boleh mendapat keuntungan daripada jualan unit-unit.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

Implikasi cukai bagi setiap kategori di atas adalah dijelaskan di bawah:

**1. Pengagihan boleh dikenakan cukai**

Pengagihan yang diterima daripada Dana perlu dijumlahkan secara kasar untuk mengambil kira cukai mendasari yang dibayar oleh Dana dan pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas jumlah kasar.

Pengagihan sedemikian membawa kredit cukai, yang akan tersedia bagi penolakan terhadap mana-mana cukai pendapatan Malaysia yang perlu dibayar oleh pemegang unit. Sekiranya cukai yang ditolak pada sumber melebihi liabiliti cukai pemegang unit, lebihan tersebut akan dikembalikan kepada pemegang unit.

Sila rujuk kepada perenggan di bawah untuk kadar cukai pendapatan yang terpakai untuk pengagihan terkumpul.

**2. Pengagihan dikecualikan dan tidak dikenakan cukai**

Pengagihan dikecualikan cukai yang dibuat daripada keuntungan daripada realisasi pelaburan dan pendapatan terkecuali yang diperoleh oleh Dana tidak akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia dalam tangan pemegang-pemegang unit.

Dana pasaran wang runcit adalah dikecualikan daripada cukai ke atas pendapatan faedahnya yang diperoleh dari Malaysia, menurut Perenggan 35A Jadual 6 ITA. Menurut Akta Kewangan 2021, berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, pengagihan oleh dana pasaran wang runcit daripada pendapatan faedah yang dikecualikan cukai tersebut, kepada pemegang unit selain daripada individu, tidak lagi akan dikecualikan daripada cukai. Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit selain daripada individu akan menjadi tertakluk kepada cukai tahanan sebanyak 24%. Ini akan menjadi cukai terakhir untuk bukan residen. Residen Malaysia adalah dikehendaki memasukkan pengagihan dalam pulangan cukai mereka dan menuntut kredit berhubung dengan cukai tahanan yang dialami. Individu akan terus dikecualikan daripada cukai ke atas pengagihan tersebut.

**Kadar cukai**

Cukai pendapatan Malaysia yang dikenakan cukai ke atas pemegang-pemegang unit akan bergantung kepada status residen cukai mereka dan sama ada mereka adalah individu, syarikat atau badan amanah. Kadar cukai pendapatan yang berkaitan adalah seperti berikut:

Pemegang-pemegang unit	Kadar cukai pendapatan Malaysia
Cukai residen Malaysia: <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemegang-pemegang unit individu dan bukan korporat (seperti pertubuhan dan persatuan)</li><li>• Koperasi<sup>8</sup></li><li>• Badan amanah</li><li>• Pemegang-pemegang unit korporat</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 30%</li><li>• Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 24%</li><li>• 24%</li><li>• RM600,000 pertama daripada</li></ul>

<sup>8</sup> Menurut Perenggan 12(1), Jadual 6 MITA, pendapatan daripada mana-mana persatuan koperasi—

(a) berhubung dengan tempoh lima tahun bermula dari tarikh pendaftaran persatuan koperasi tersebut; dan

(b) selepas itu di mana dana ahli-ahli [sebagaimana ditakrifkan dalam Perenggan 12(2)] persatuan koperasi tersebut pada hari pertama daripada tempoh atas bagi tahun taksiran kurang daripada tujuh ratus dan lima puluh ribu ringgit,  
adalah dikecualikan daripada cukai.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

Pemegang-pemegang unit	Kadar cukai pendapatan Malaysia
(i) Syarikat dengan modal berbayar berhubung dengan saham biasa tidak lebih daripada RM2.5 juta (pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran) dan pendapatan kasar daripada sumber atau sumber-sumber yang terdiri daripada perniagaan tidak melebihi RM50 juta bagi tempoh asas bagi tahun taksiran <sup>9</sup> <sup>10</sup>	<p>pendapatan boleh dikenakan cukai @ 17%<sup>11</sup></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pendapatan boleh dikenakan cukai melebihi RM600,000 @ 24%</li> </ul>
(ii) Syarikat-syarikat selain daripada (i) di atas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24%</li> </ul>
Cukai bukan-residen Malaysia (Nota 1):	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 30%</li> <li>• 24%</li> </ul>

**Nota 1:**

Pemegang-pemegang unit bukan residen mungkin tertakluk kepada cukai di negara mereka masing-masing bergantung kepada peruntukan perundangan cukai di negara masing-masing dan sebarang pengaturan cukai dua kali sedia ada dengan Malaysia

**Keuntungan daripada jualan unit**

Keuntungan timbul daripada realisasi pelaburan secara amnya tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam pegangan pemegang-pemegang unit melainkan mereka adalah syarikat insurans, institusi kewangan atau pedagang / peniaga sekuriti.

**Pecahan unit dan pengagihan semula pelaburan**

Pemegang-pemegang unit juga boleh menerima unit-unit baru akibat pecahan unit atau boleh memilih untuk melabur semula pengagihan mereka. Implikasi cukai pendapatan daripada ini adalah seperti berikut:

- Pecahan unit – unit-unit baru yang diterbitkan oleh Dana selaras dengan pecahan unit tidak akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan dalam tangan pemegang-pemegang unit.

<sup>9</sup> Sebuah Syarikat tidak akan layak bagi kadar cukai konsesi ke atas RM600,000 pertama daripada pendapatan boleh dikenakan cukai sekiranya:-

(a) lebih 50% daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran;

(b) syarikat memiliki secara langsung atau tidak langsung lebih daripada 50% modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan asas tempoh bagi tahun taksiran;

(c) lebih 50% daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat dan syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada RM2.5 juta pada permulaan asas tempoh bagi tahun taksiran yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

(d) berdasarkan Rang Undang-undang Kewangan 2023, telah dicadangkan bahawa berkuat kuasa dari tahun taksiran 2024, syarat tambahan akan dikenakan agar tidak lebih 20% daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat pada permulaan asas tempoh bagi tahun taksiran boleh dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh satu atau lebih syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia atau oleh individu yang bukan warganegara Malaysia, untuk layak bagi kadar cukai konsesi.

<sup>10</sup> Perkara di atas tidak termasuk amanah perniagaan dan syarikat yang diperbadankan bagi terbitan sekuriti bersandarkan aset dalam urus niaga pensekuritian yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

<sup>11</sup> Berdasarkan Rang Undang-undang Kewangan 2023, telah dicadangkan kadar cukai konsesi dikurangkan daripada 17% kepada 15% bagi RM150,000 pertama daripada pendapatan boleh dikenakan cukai berkuat kuasa dari tahun taksiran 2023.

**Prospektus Induk Tambahan Pertama ini adalah tambahan kepada dan perlu dibaca sehubungan dengan Prospektus Induk bertarikh 20 Disember 2019**

- Pelaburan semula pengagihan – pemegang-pemegang unit boleh memilih untuk melabur semula pengagihan pendapatan mereka dalam unit-unit baru dengan memaklumkan Pengurus. Dalam keadaan ini, pemegang unit akan dianggap telah menerima pengagihan dan melabur semula dengan Dana.

\*\*\*\*\*

Kami dengan ini mengesahkan bahawa, pada tarikh surat ini, pernyataan yang dibuat dalam surat ini menunjukkan dengan betul pemahaman kami mengenai kedudukan cukai di bawah perundangan cukai Malaysia semasa dan tafsiran dan amalan yang berkaitan dengannya, yang kesemuanya adalah tertakluk kepada perubahan, mungkin pada dasar retrospektif. Kami tidak dilantik (melainkan diarahkan secara khusus selepas ini), ataupun kami juga tidak bertanggungjawab untuk memantau atau mengemas kini pernyataan bagi keadaan masa hadapan yang mungkin melibatkan pernyataan ini.

Pernyataan yang dibuat dalam surat ini tidak bertujuan untuk menjadi analisis lengkap akibat cukai yang berkaitan dengan pelabur dalam Dana. Memandangkan keadaan tertentu setiap pelabur mungkin berbeza, kami mengesyorkan agar pelabur-pelabur mendapatkan nasihat bebas tentang isu cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam Dana.

Yang benar

**Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd**

Koh Leh Kien  
Rakan Firma

Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd telah memberikan persetujuannya untuk memasukkan Surat Penasihat Cukai dalam bentuk dan konteks di mana ia kelihatan dalam Prospektus Induk Tambahan Pertama ini dan tidak menarik balik kebenaran tersebut sebelum tarikh Prospektus Induk Tambahan Pertama ini dikeluarkan.

**L. MAKLUMAT BERKENAAN**

**Muka surat 83 Prospektus Induk**

- (i) Titik bulet berikut adalah dengan ini dimasukkan sebelum titik bulet pertama di bawah Seksyen 11.4 – Dokumen untuk Pemeriksaan:
- Surat Ikatan;
- (ii) Titik bulet keempat di bawah Seksyen 11.4 – Dokumen untuk Pemeriksaan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:
- Prospektus Induk dan prospektus tambahan atau gantian, sekiranya ada;

*[Bahagian lain muka surat ini sengaja dibiarkan kosong]*